

D448

R B966 DEB
MAHATHIR - IMEJ

KUALA LUMPUR, 26 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN RAKYAT MALAYSIA DAPAT MEMELIHARA IMEJ NEGARA DENGAN PENUH KESOPANAN DAN ADAT RESAM SEMASA MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) YANG BERMULA DI SINI PADA 18 OKT.

PERDANA HENTERI YAKIN RAKYAT TERUTAMA DI IBU NEGARA SANGGUP MENGHADAPI PERKARA-PERKARA YANG MUNGKIN + MENGGANGGU + KEHIDUPAN DAN URUSAN HARIAN MEREKA BERIKUTAN TINDAKAN KESELAMATAN YANG KETAT SEMASA MESYUARAT ITU.

KATANYA, RAKYAT HENDAKLAH MENYAMBUK BAIK KEDATANGAN PARA TETAMU NEGARA SEBAGAIMANA JUGA LAYANAN TERHADAP TETAMU-TETAMU YANG LAIN.

KETIKA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEHPENGERUSIKAN MESYUARAT PANEL PENASIHAT CHOGM DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA, DUA NEGARA IAITU BELIZE DAN DOMINICA TIDAK DAPAT HENYERTA I CHOGM DI SINI KERANA BEBERAPA HALANGAN SEPERTI MENGHADAPI PILIHAN RAYA.

KATANYA, 37 DARIPADA 45 NEGARA YANG AKAN MENYERTA I MESYUARAT AKAN DIUKILI OLEH KETUA KERAJAAN MASING-MASING. -- LAGI.
1654MST 26 09 89

D449

R 8967 DEB
MAHATHIR - IMEJ 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI KESELAMATAN SEMASA MESYUARAT ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BILANGAN ANGGOTA KESELAMATAN MENCUKUPI DAN MALAYSIA MENDAPAT KERJASAMA KERAJAAN KANADA BERDASARKAN PENGALAMANNYA HENGADAKAN CHOGM DI VANCOUVER.

BELIAU MENJANGKA KAWALAN KESELAMATAN YANG AKAN DIADAKAN SEBAGAI YANG TERBESAR PERNAH DIADAKAN KERANA MALAYSIA BELUM PERNAH MENGANJURKAN MESYUARAT BESAR SEPERTI CHOGM.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, BELIAU MENANTI-NANTIKAN PERTEMUAN DENGAN PRESIDEN PAKISTAN PUAN BENAZIR BHUTTO EKORAN PENYERTAAN SEMULA REPUBLIK ITU KE DALAM KOMANWEL.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, BELIAU DAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI BRITAIN PUAN MARGARET THATCHER AKAN MENANDATANGANI PERJANJIAN RAMPAS HARTA PENGEDAR DADAH DISAMPING MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN LAIN SEMASA MESYUARAT ITU. -- BERNAMA.

1656MST 26 09 89